



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



## TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**MAJLIS KONVOKESYEN KE - 22  
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

**DEWAN AL-JAZARI**

**SIDANG .....**

**TARIKH (HARI)  
MASA**

**YBrs DR HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL  
PENGARAH  
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

Terima kasih Pengacara Majlis.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

**Yang Berusaha Tuan Haji Mahpar bin Atan**  
**Ketua Pengarah**  
**Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia**

YBrs. Ts. Roseman bin Mat Jidin  
Timbalan Pengarah Akademik  
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

YBrs. Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman  
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik  
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan, para pensyarah dan kakitangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Yang diraikan ibu bapa dan barisan graduan

Serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, suka saya merakamkan setinggi - tinggi rasa syukur ke hadrat Allah Ta'ala kerana limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama dan berhimpun dalam majlis yang penuh meriah di dewan ini sempena **Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) Ke-22**. Setinggi - tinggi penghargaan kepada **Yang Berusaha Tuan Haji Mahpar bin Atan, Ketua Pengarah, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia**, kerana sudi hadir pada hari ini. Sesungguhnya PSA merasa sangat bertuah atas kehadiran **Tuan** menambahkan lagi seri majlis kita pada hari ini. Tahniah kepada semua pihak dan seluruh warga kerja PSA kerana telah memberikan komitmen padu dalam merealisasikan majlis yang penuh makna ini.
2. Bersempena detik yang bersejarah ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada semua graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan. Kepada graduan yang dihormati sekalian, ingatlah bahawa penganugerahan ijazah, diploma dan sijil hanyalah satu permulaan. Dengan bekalan ilmu

yang ada, anda sekalian akan mula belajar membina kehidupan dan memberi makna dalam kehidupan anda. Ingatlah ketika saudara dan saudari berada dalam masyarakat, selain membawa nama keluarga juga membawa nama PSA.

**Para Graduan, Ibu bapa dan sidang hadirin sekalian,**

3. Sejak penubuhan PSA pada tahun 1997, sehingga kini PSA telah melahirkan seramai **39,478 orang graduan** dalam pelbagai lapangan. Bagi majlis konvokesyen yang diadakan selama 5 hari bermula dari 6 sehingga 10 Disember 2021 ini, seramai **2,818 orang graduan bakal menerima ijazah, diploma serta sijil masing-masing**. Daripada jumlah tersebut, seramai 702 graduan daripada Jabatan Perdagangan, 946 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, 702 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan 468 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal termasuk 27 daripadanya graduan Sijil Kemahiran Penyenggaraan Mekanikal yang merupakan **pelajar OKU pendengaran**.

4. Majlis konvokesyen ini turut mencatatkan sejarah yang tersendiri apabila PSA julung kalinya berjaya melahirkan **graduans holistik Techno-Huffaz pertama** dari Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran yang menghafaz 30 juzuk Al-Quran. PSA merupakan politeknik perintis program seumpama itu di Malaysia dengan kerjasama daripada Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
  
5. Selain itu, PSA juga amat berbangga dengan pencapaian Saudara Muhammad Syairul Islam bin Basmullah dalam bidang penyiaran sekali gus menjadi **ikon PSA**. Beliau kini bertugas sebagai Penyampai Berita dan Pengacara TV RTM. Pada hari ini, saudara Muhammad Syairul Islam akan dianugerahkan Diploma Kejuruteraan Mekanikal seterusnya diisytihar sebagai Alumni PSA.

## **Para Graduan, Ibumama dan Sidang hadirin sekalian**

6. Sebelum saya akhiri ucapan ini, sukalah saya berpesan kepada graduan sekalian untuk terus bersama dengan PSA walau di mana sahaja anda berada. Bawalah kenangan manis dan kongsi pengalaman menimba ilmu di sini. Semoga ianya menjadi daya penarik bagi PSA untuk generasi yang akan datang supaya turut menimba ilmu di sini. Sekali lagi syabas dan tahniah diucapkan kepada semua. Semoga saudara dan saudari sekali terus cemerlang dan menjadi model contoh kebanggaan PSA.
  
7. Sekian sahaja ucapan daripada saya. Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.